

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini, seramai 73 rakyat Malaysia yang berasal daripada pelbagai negeri di Malaysia telah dikenalpasti berada di Timur Tengah menyertai kumpulan DAESH. Daripada jumlah tersebut seramai 59 orang adalah lelaki dan 14 orang perempuan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, seramai 19 orang (kesemuanya lelaki) telah terbunuh di Syria dan Iraq. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, tiada rekod mengenai permintaan pulang ke Malaysia dibuat oleh mereka yang masih lagi berada di wilayah bergolak tersebut.